

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH BAHAS : 3 DISEMBER 2019

SOALAN

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan 5 pelaburan asing terbesar yang diluluskan pada tahun 2016, 2017 dan 2018 yang telah dilaksanakan. Berapa peluang pekerjaan yang diwujudkan mengikut tahap kemahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam mengukuhkan usaha untuk terus menarik pelaburan asing terutamanya yang berkualiti tinggi ke dalam negara secara konsisten. Bagi tempoh 2016 hingga 2018, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 2,141 projek dalam sektor perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM209.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM107.3 bilion melibatkan pelaburan langsung asing dan setakat Jun 2019, sebanyak RM52.4 bilion nilai pelaburan telah berjaya dilaksanakan.

2. Pada tahun 2016, lima (5) pelaburan asing yang terbesar adalah dari negara-negara China, Belanda, United Kingdom, Republik Korea dan Jerman dengan pelaburan bernilai RM13.0 bilion dimana jumlah pekerjaan yang telah diwujudkan adalah sebanyak 14,784. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,755 peluang pekerjaan atau 25% terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal & penyeliaan; 1,918 atau 13% di dalam kategori tenaga mahir; 8,102 atau 55% di dalam kategori operator mesin & pekerja

pemasangan dan 1,009 atau 7% di dalam kategori pekerja jualan, pengkeranian dan lain-lain.

3. Bagi tahun 2017, lima (5) pelaburan asing yang terbesar adalah dari negara-negara Switzerland, Singapura, Belanda, Jerman dan Jepun dengan pelaburan bernilai RM9.0 bilion. Jumlah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan pula adalah sebanyak 12,371. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,236 peluang pekerjaan atau 18% terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal & penyeliaan; 2,108 atau 17% kategori di dalam tenaga mahir; 6,342 atau 51% di dalam kategori operator mesin & pekerja pemasangan; 1,643 atau 13% di dalam kategori pekerja jualan, pengkeranian & lain-lain dan 42 atau 0.3% adalah dari kategori pekerja am.

4. Akhir sekali bagi tahun 2018, lima (5) pelaburan asing yang terbesar adalah dari negara-negara Belanda, Jepun, China, Amerika Syarikat dan Singapura dengan pelaburan bernilai RM13.4 bilion dengan jumlah peluang pekerjaan yang telah dapat diwujudkan adalah sebanyak 12,442. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,810 peluang pekerjaan atau 23% terdiri daripada kategori pengurusan, teknikal & penyeliaan; 1,312 atau 11% di dalam kategori tenaga mahir; 6,785 atau 54% di dalam kategori operator mesin & pekerja pemasangan; 665 atau 5% di dalam kategori pekerja jualan, pengkeranian & lain-lain dan 870 atau 7% adalah dari kategori pekerja am.

Sekian, terima kasih.